

PERASMIAN PROGRAM JELAJAH YB AZLAN UNTUK PEMIMPIN MASYARAKAT SETEMPAT

IPOH, FEBRUARI 20, 2023 – Satu inisiatif baharu di bawah portfolio Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO, **“Program Jelajah YB Azlan”** telah dilancarkan pagi ini, di Bangunan Perak Darul Ridzuan dalam satu sesi Flag off, sebelum konvoi bertolak ke kawasan DUN Hulu Kinta dan DUN Tualang Sekah. Dijangka lawatan setiap DUN akan dimulai dengan taklimat dua hala di Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDI) dan diteruskan lawatan ke lokasi-lokasi pilihan bagi meninjau isu-isu setempat.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah agar pihak Kerajaan Negeri lebih cakna dan prihatin terhadap isu dan masalah telekomunikasi setempat yang melibatkan pihak-pihak Pegawai Daerah, Yang Dipertua dan lain-lain pemimpin masyarakat setempat melalui sesi taklimat dua hala serta sesi lawatan.

Antara aktiviti-aktiviti program ini adalah untuk mendapatkan maklum balas ADUN berkenaan isu telekomunikasi setempat, melawat PEDI di setiap DUN di negeri Perak serta untuk mendapatkan maklumat isu-isu infrastruktur telekomunikasi di setiap DUN.

Program yang berorientasikan kaedah turun padang ini, akan dijalankan setiap hari Isnin yang akan meliputi dua (2) DUN bagi setiap sesi sepanjang tahun ini oleh semua jabatan dan agensi di bawah portfolio Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO.

Menerusi program ini, isu-isu telekomunikasi dapat dikenal pasti dan tapak struktur-struktur baharu dapat diseliasa selidik.

Turut mengambil bahagian dalam program ini, YB Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pasukan bagi mendengar dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh PBT-PBT.

